



Perang Kuala Linggi-Belanda

PERSELISIHAN MELAYU-BUGIS



DAING Cellak telah meninggal dunia pada Mei 1745 bersamaan Tahun Hijrah 1158 (*Tuhfat al-Nafis*, 1982:123; 1991:264). Daing Kemboja, anak Daing Parani telah dilantik oleh Sultan Sulaiman¹ sebagai Yang Dipertuan Muda yang baru² dan Raja Haji, anak Daing Cellak dilantik menjadi penolong kepada Yang Dipertuan Muda dengan gelaran Engku Kelana.³ Semasa Daing Kemboja mengambil alih jawatan tersebut, perselisihan faham antara pembesar-pembesar Melayu yang diketuai oleh Sultan Mansur⁴ Terengganu (1740–93) dengan pembesar-pembesar Bugis, telah menjadi lebih ketara.

Perselisihan ini telah bermula sejak jatuhnya kerajaan Johor-Riau ke tangan Raja Kecil, Siak. Sifat konflik tersebut pada zaman awal ini (1720-an) agak berbeza dengan yang berlaku dalam tahun 1740-an. Pada ketika itu konflik tersebut adalah dalam bentuk gabungan orang Melayu-Bugis menentang orang Minangkabau (Siak). Melalui masa krisis itu telah berubah corak kepada pertentangan antaran tiga suku bangsa, iaitu Melayu, Bugis dan Minangkabau. Walaupun permusuhan ini berterusan pembezaan kelas pemerintah di kalangan mereka menjadi semakin kabur. Kelompok-kelompok migran secara beransur-ansur telah menerima subbudaya Melayu seperti mempraktikkan dan mengamalkan gelaran-gelaran Melayu Johor-Riau dan bukannya gelaran hormat Bugis atau Minangkabau. Proses pemelayuan kelompok-kelompok migran ini menjadi semakin teguh kerana perikatan politik antara mereka, dari semasa ke semasa, telah dipeteri melalui perkahwinan di kalangan pembesar-pembesar ketiga-tiga kelompok tersebut.

Keserabutan perhubungan darah yang berkembang satu generasi selepas penabalan pembesar Bugis sebagai Yang Dipertuan Muda Riau pada tahun 1720-an jelas tergambar di Siak. Oleh sebab Raja Kecil dan beberapa orang pemimpin Bugis telah mengahwini puteri-puteri Sultan Abdul Jalil Johor, walaupun musuh ketat mereka adalah juga ipar lamai. Raja Kecil kemudian mewujudkan dinastinya sendiri di Siak, tetapi selepas kematian-

nya, kira-kira pada tahun 1740-an, takhta kerajaan Siak telah dipertikaikan oleh dua orang puteranya yang mempunyai penyokong masing-masing. Seorang daripadanya, Raja Alam boleh merayu kepada pihak Bugis melalui perkahwinan dengan adik Daing Kemboja. Beliau juga mengekalkan hubungan dengan bekas pengikut-pengikut ayahnya, Raja Kecil, dan dengan itu boleh merayu bukan sahaja kepada orang Minangkabau di pantai timur Sumatera tetapi juga kepada beberapa kelompok Orang Laut.

Krisis ini telah sampai ke puncaknya dalam tahun 1754. Akibat perselisihan ini Daing Kemboja dan pembesar-pembesar Bugis,⁵ melainkan Raja Haji dan adik-beradiknya (*Tuhfat al-Nafis*, 1982:136; 1991:287), dan orang Bugis di Sungai Timun (*Hikayat Negeri Johor*, 1932:13), telah meninggalkan Riau dan berundur ke Kuala Linggi (*Tuhfat al-Nafis*, 1982:136; 1991:287). Mulai dari tahun tersebut⁶ untuk sementara waktu Daing Kemboja telah menetap dan menjadikan Kuala Linggi, iaitu petempatan Bugis yang telah dibuka oleh bapa saudaranya, Daing Marewah sebagai pusat pentadbirannya. Semasa berpindah itu, Daing Kemboja telah membawa beberapa pucuk meriam besar (Winstedt, 1962:147) kepunyaannya sendiri (Buyung Adil, 1980:127).

Seiring dengan krisis pembesar Melayu-Bugis ini, Sultan Sulaiman telah mengambil kesempatan untuk membebaskan diri daripada pengaruh Bugis (Pearn, 1963:72). Peluang ini bermula sejak matinya Daing Cellak pada tahun 1745. Daing Kemboja yang dilantik menggantikan Daing Cellak menjadi Yang Dipertuan Muda, untuk lebih kurang dua tahun (sehingga tahun 1748) telah tinggal di Selangor, dan tidak balik ke Riau walaupun untuk upacara rasmi perlantikannya ke jawatan baru itu. Mungkin kerana sikap Daing Kemboja yang seolah-olah tidak berminat dalam hal ehwal kerajaan ini telah menggalakkan Sultan Sulaiman untuk membebaskan diri daripada didalangi terus oleh pembesar-pembesar Bugis. Menyedari bahawa Belanda juga mengalami kesusahan daripada aktiviti Bugis di kawasan perairan Melaka dan Riau ini, Sultan Sulaiman telah digalakkan (oleh Sultan Mansur Terengganu) untuk menemui mereka dengan harapan untuk mendapat bantuan (Ryan, 1971:72).

Percubaan-percubaan Riau untuk melemahkan dan menghapuskan pengaruh orang Bugis ini telah diperhatikan dengan penuh minat oleh Belanda (Kennedy, 1962:64). Belanda sendiri bimbang tentang kegiatan perdagangan dan perluasan pengaruh Bugis di sepanjang pantai barat Tanah Melayu. Pihak Belanda telah lama⁷ berusaha untuk memonopoli perdagangan bijih timah di Tanah Melayu. Usaha-usaha ini telah terancam oleh persaingan daripada pedagang-pedagang Bugis yang dilindungi oleh kapal perang Riau (Winstedt, 1962:147; Hall, 1971:421-22), khususnya oleh angkatan laut Bugis yang melayari Selat Melaka sekehendak hatinya (Kennedy, 1962:64). Untuk setakat ini, mungkin oleh sebab menghormati kekuatan tentera masing-masing, kedua-dua pihak Bugis dan Belanda

berjaya mengelakkan diri daripada konflik terbuka. Namun, perhubungan kedua-dua kuasa itu adalah tegang dan bersikap tidak percaya antara satu sama lain.⁸

Dengan adanya kepentingan yang hampir serupa antara kerajaan Melayu Riau dengan Belanda di Melaka, maka pada tahun 1745 Sultan Sulaiman telah pergi ke Melaka dan satu perjanjian⁹ telah ditandatangani. Melalui perjanjian tersebut Sultan Sulaiman berharap agar memperolehi bantuan pihak Belanda di Melaka dan mengadakan operasi bersama untuk menghapuskan pengaruh Bugis di Tanah Melayu (Harrison, 1957:152) dan merampas kerajaan Siak (Cave, 1989:58). Sebagai balasan kepada bantuan yang bakal diberi, Sultan Sulaiman berjanji akan menyerahkan Siak kepada Belanda; dan adalah diragui sama ada penguasaan kerajaan Johor-Riau ke atas Siak cukup kuat untuk memungkinkan proses penyerahan hak itu (Ryan, 1971:72). Namun, perjanjian ini tidak memberi kesan positif kepada mana-mana pihak (Kennedy, 1962:64) kerana dalam tahun-tahun berikutnya sehingga lebih kurang tahun 1760 takhta kerajaan Siak sering bertukar tangan antara anak-anak Raja Kecil iaitu Raja Muhamad atau Raja Buang dan adik tirinya (berlainan ibu) Raja Alam. Dalam perebutan kuasa ini pihak Bugis juga telah terlibat dengan menyebelahi pihak-pihak tertentu.

SEBAB PENGHIJRAHAN ORANG BUGIS KE KUALA LINGGI

Ada sekurang-kurangnya dua sebab utama mengapa Daing Kemboja dan orang Bugis keluar dari Riau. Pertama, pergaduhan antara Melayu, Bugis dan Minangkabau. *Tuhfat al-Nafis* (1982:132–39) telah menghuraikan tentang pergaduhan antara pembesar-pembesar Melayu dengan Bugis ini secara panjang lebar. Krisis tiga suku bangsa ini dapat dikatakan telah bermula sejak jatuhnya kerajaan Johor-Riau ke tangan Raja Kecil, Siak. Walaupun permusuhan antara orang Melayu, Bugis dan Minangkabau ini berterusan, pembezaan kelas pemerintah antara mereka menjadi semakin kabur. Kelompok-kelompok migran secara beransur-ansur telah menerima subbudaya Melayu; mereka telah mengambil dan menggunakan gelaran-gelaran Melayu dan bukannya gelaran hormat Bugis atau Minangkabau.

Pengaduan ini menjadi semakin teguh kerana dari semasa ke semasa perikatan politik antara mereka dipeteri melalui perkahwinan di kalangan pembesar-pembesar ketiga-tiga kelompok tersebut. Kecerabutan perhubungan darah yang berkembang satu generasi selepas penabalan Bugis sebagai Yang Dipertuan Muda Riau pada tahun 1721 jelas digambarkan di Siak. Oleh sebab Raja Kecil dan beberapa orang pemimpin Bugis telah mengahwini puteri-puteri Sultan Abdul Jalil Johor, walaupun musuh ketat mereka adalah juga ipar lamai.

Raja Kecil kemudian mewujudkan dinastinya sendiri di Siak, tetapi selepas kemangkatannya, kira-kira pada tahun 1740-an takhta kerajaan Siak

telah dipertikaikan oleh dua orang puteranya yang mempunyai penyokong masing-masing. Seorang daripadanya, Raja Alam, boleh merayu kepada Bugis melalui perkahwinannya dengan adik Daing Kemboja. Raja Alam juga mengekalkan hubungan dengan bekas pengikut-pengikut ayahnya, Raja Kecil, dan boleh merayu bukan sahaja kepada orang Minangkabau di pantai timur Sumatera, tetapi juga kepada beberapa kelompok Orang laut. Raja Muhammad atau Raja Buang, anak Raja Kecil yang lagi seorang, adalah lebih rapat kaitannya dengan orang Melayu kerana emaknya adalah adik Sultan Sulaiman. Akhirnya, hubungan darah dan perkahwinan ini berkonflik dengan obligasi-obligasi yang ditimbulkan oleh persekutuan-persekutuan lain.

Perhubungan melalui perkahwinan yang meluas ini bermakna konflik di Riau tidak dapat dicirikan sebagai hanya satu kelompok etnik menentang yang lain. Sebahagian daripada orang Melayu Riau, seperti Temenggung telah mewujudkan hubungan dengan orang Bugis melalui perkahwinan dan dengan sebab itu merasai ikatan kesetiaan menarik mereka daripada dua hala yang bertentangan. Walaupun Sultan Mansur Terengganu melihat adanya satu pembahagian jelas antara Bugis dan Melayu, beberapa orang pembesar Melayu berusaha untuk mencari penyesuaian dengan orang Bugis kerana mereka berasa geram atas tindakan Sultan Mansur mengambil alih kuasa di Riau dan orang Terengganu pula lebih berpengaruh daripada orang Melayu dalam istana Riau. Semasa beliau berada di Riau dari tahun 1750 hingga 1760, Sultan Mansur menguasai majlis pembesar-pembesar Johor, mengambil tindakan-tindakan secara sendiri dengan mengetepikan kebiasaan sebelumnya, iaitu kesemua keputusan kerajaan harus didapati hasil muafakat, yakni perundingan antara pembesar-pembesar dan menteri-menteri kanan kerajaan Riau. Pembesar-pembesar Riau yang telah bersyariat dengan pemimpin-pemimpin Bugis malahan telah menuduh bahawa kematian Daing Cellak, Yang Dipertuan Muda II adalah disebabkan oleh termakan racun. Pembesar yang tertuduh melakukannya adalah Sultan Mansur Terengganu (Andaya dan Andaya, 1982:96-7). Bagaimanapun, tuduhan ini tidak dapat dibuktikan dengan sah.

Berkaitan dengan perbalahan Melayu-Bugis ini, Daing Kemboja, pada zaman awal menjawat jawatan Yang Dipertuan Muda telah berusaha menyelesaikan masalah tersebut melalui proses perkahwinan antara pembesar-pembesar Melayu dan putera-puteri Bugis. Untuk mencapai tujuan ini Raja Abdul Jalil (Raja Di Baroh), putera Sultan Sulaiman telah dikahwinkan dengan Tengku Putih, putera almarhum Daing Cellak; dan adik Daing Kemboja sendiri, Raja Khadijah dikahwinkan dengan Raja Alam, putera Raja Kecil Siak. Walaupun demikian, persengketaan Melayu-Bugis di Riau tidak juga hilang (Buyung Adil, 1980:127).

Kedua, perselisihan faham antara Sultan Sulaiman dengan Daing Kem-

boja kerana dia tidak bersetuju Sultan Sulaiman membantu anak saudaranya Raja Mahmud atau Raja Buang (putera Raja Kecil Siak dengan Tengku Kamariah, adik Sultan Sulaiman) berperang dengan Raja Alam (putera Raja Kecil dengan isteri lain) untuk berebut kuasa di Siak. Ketidaksenangan Daing Kemboja ini meningkat lagi apabila Sultan Sulaiman meminta bantuan orang Belanda di Melaka untuk bersama-sama membantu Raja Mahmud dalam perang saudara bagi merebut takhta kerajaan Siak (Buyung Adil, 1971:13).

Untuk menghindarkan agar masalah itu tidak berpanjangan dan yang mungkin membawa kepada konflik antara kedua-dua pihak (Melayu dan Bugis) Daing Kemboja telah membuat keputusan untuk meninggalkan kerajaan Riau dan menetap untuk sementara waktu di Kuala Linggi. Langkah beliau ini telah diikuti oleh orang Bugis lainnya.

PERJANJIAN RIAU-MELAKA 1756

Penghijrahan orang Bugis ke Kuala Linggi telah memberi kesan ke atas kerajaan Riau, khususnya dari segi ekonomi, dalam tempoh hanya tidak sampai dua tahun. Sumber-sumber Belanda melaporkan penghijrahan ini mengakibatkan Riau 'terpencil' dan 'kesunyian' kerana perdagangan hampir tiada langsung di sana. *Tuhfat al-Nafis* (1982:147; 1991:302) pula, semasa menghuraikan keadaan ini, menyatakan bagaimana Orang Laut berusaha menghadapi dan mengatasi kebuluran.

Kemerosotan ekonomi kerajaan Johor-Riau ini menyebabkan Sultan Sulaiman putus asa; dan dengan galakan Sultan Mansur, menantunya, baginda telah cuba mengatasinya dengan mendapatkan bantuan daripada Belanda di Melaka dengan menandatangani satu perjanjian pada 19 Januari 1756¹⁰ (Andaya dan Andaya, 1982:97–8; 1983:113). Melalui perjanjian tersebut Sultan Sulaiman menjanjikan perdagangan bebas cukai kepada Belanda di seluruh tanah jajahan kerajaan Johor-Riau. Beliau juga mengulangi tawaran awalnya¹¹ untuk memberikan Siak kepada Syarikat Hindia Timur Belanda. Untuk menunjukkan kesungguhannya, Sultan Sulaiman telah melantik seorang wakil raja untuk menjaga kepentingan Belanda di Siak (Hall, 1971:422). Orang Belanda boleh menduduki dan meninggalkan tempat mereka di Pulau Gontong. Pegawai-pegawai Belanda boleh datang melawat ke Sungai Siak dan akan menghukum orang yang melanggar syarat-syarat perjanjian ini. Tiada sebuah kapal pun dibenarkan masuk ke Siak melainkan ada surat kebenaran daripada Sultan. Syarikat Belanda dan Sultan sahaja mempunyai hak monopoli menjual kain-kain di Sungai Siak (Buyung Adil, 1980:129–30).

Melalui perjanjian itu, sebagai syarat balas pihak Belanda berjanji bersedia membantu mengambil semula semua wilayah Johor-Riau yang diduduki oleh orang Bugis (Selangor dan Kuala Linggi) dan Minangkabau

PERANG KUALA LINGGI-BELANDA

(Rembau) dan menyerahkan balik kepada kerajaan Johor-Riau. Selain menerima 'pemberian' Sultan Sulaiman itu, Belanda juga telah menyatakan kesanggupan mereka mengembalikan jajahan-jajahan Johor yang telah 'hilang' itu dengan dua syarat. Pertama, Johor membenarkan pihak Belanda memonopoli perdagangan bijih timah¹² di Selangor, Kelang dan Kuala Linggi (Hall, 1971:422; Andaya dan Andaya, 1982:97-8). Kedua, orang Eropah yang lain tidak dibenarkan masuk ke kerajaan Johor-Riau melainkan dengan surat izin daripada Belanda (Buyung Adil, 1980:130).

Daripada syarat-syarat perjanjian itu jelaslah bahawa Sultan Sulaiman masih memandang atau menganggap bahawa Kuala Linggi dan Selangor serta Kelang, yang kini di bawah kuasa orang Bugis, sebagai wilayah-wilayah di bawah kuasa atau pengaruh baginda. Tempat-tempat tersebut adalah kawasan yang banyak menghasilkan bijih timah. Justeru itu, apabila berlaku konflik antara Melayu dan Bugis, hasil bijih timah dari kawasan berkenaan tidak lagi diniagakan di Riau. Keadaan ini secara langsung telah 'mematikan perdagangan' lantaran itu memerosotkan ekonomi kerajaan Johor-Riau.

Setelah membuat perjanjian itu, Sultan Sulaiman, sebelum balik ke Riau, pada sekitar akhir Januari 1756,¹³ telah mengutus sepucuk surat kepada Daing Kemboja di Kuala Linggi bertanya sama ada beliau mengakui pemerintahannya atau tidak. Surat yang serupa telah juga dikirim kepada pembesar-pembesar Bugis di Kelang (Raja Tua) dan Selangor (Raja Lumu atau Sultan Salehuddin).¹⁴ Daing Kemboja dan kedua-dua orang pembesar Bugis tanpa berlengah menjawab surat itu dan menunjukkan rasa amat marah mereka atas tindakan dan perbuatan Sultan Sulaiman berbaik-baik dan membuat perjanjian dengan Belanda (Buyung Adil, 1952:69; 1980:130). Ini juga bermakna bahawa orang Bugis mula memusuhi orang Belanda secara terbuka.

PERANG KUALA LINGGI-MELAKA

Ancaman tentang berlakunya suatu konfrontasi antara orang Bugis dan Belanda di kawasan ini telah lama wujud. Gabenor-gabenor Melaka sentiasa menyalahkan orang Bugis sebagai penyebab kemerosotan perdagangan Syarikat Hindia Timur Belanda. Jikalau pihak Betawi bersedia memberi sokongan material, mungkin pada awal tahun 1711 lagi, Melaka telah memerangi pihak Bugis (Andaya dan Andaya, 1983:13). Perjanjian Riau-Melaka 1756 telah memberi laluan kepada Belanda di Melaka untuk melanggar kubu-kubu Bugis secara terbuka.

Sultan Mansur Syah Terengganu masih tidak berpuas hati dengan perpindahan Daing Kemboja dengan pengikut-pengikutnya ke Kuala Linggi dan adanya perjanjian Riau-Melaka 1756. Beliau masih berasa sakit hati kerana di Riau masih ada lagi pembesar Bugis, iaitu Raja Haji dan adik-

adik serta pengikutnya. Justeru itu, pada sekitar akhir bulan Mac 1756, beliau dengan Bendahara Seri Maharaja telah menemui orang Belanda yang kapalnya sedang berlabuh di Riau. Dalam pertemuan itu, Sultan Mansur Syah dan Bendahara telah meminta supaya Belanda menangkap Raja Haji dan adik-adiknya, Raja Aminah dan Raja Halimah. Hasil runtingan itu telah disampaikan sendiri oleh Sultan Mansur Syah kepada Sultan Sulaiman.

Apabila Raja Haji mendengar rancangan tersebut, beliau menjadi marah kepada Sultan Mansur Syah lalu membuat persediaan untuk berperang dengan orang Terengganu yang ada di Riau. Sultan Sulaiman telah berusaha untuk mendamaikan kedua-dua belah pihak. Hal ini juga menimbulkan kemurkaan Raja Abdul Jalil, putera Sultan Sulaiman dan bakal sultan kerajaan Johor-Riau. Baginda telah mendesak Sultan Mansur Syah, Bendahara dan pengikut-pengikutnya supaya berdamai dengan Raja Haji. Raja Abdul Jalil telah mengancam akan keluar dari Riau dan enggan memerintah negeri itu sekiranya Sultan Mansur Syah tidak mahu berbaik-baik dengan Raja Haji. Beliau dan Sultan Sulaiman berjaya memaksa kelompok Sultan Mansur Syah menjemput Daing Kemboja yang berada di Kuala Linggi balik ke Riau (Buyung Adil, 1980:130-1; *Tuhfat al-Nafis*, 1982:137).

Pihak Sultan Mansur Syah terpaksa tunduk kepada kehendak Raja Abdul Jalil. Untuk membuktikan kejujurannya, beliau telah meminta agar Raja Haji bersama-sama ke Kuala Linggi menjemput Daing Kemboja. Pada pertengahan April 1756, dalam pelayaran ke Kuala Linggi, angkatan Sultan Mansur Syah telah singgah di Melaka. Beliau dan pembesar-pembesar Melayu yang mengiringinya, melainkan Raja Haji, telah naik ke darat berjumpa Gabenor Belanda. Dalam pertemuan itu, beliau mengaku sebagai wakil Sultan Sulaiman dan menyatakan bahawa Sultan Sulaiman berhasrat menghalau anak-anak raja Bugis keluar dari Riau dan meminta Belanda melanggar Daing Kemboja di Kuala Linggi (Buyung Adil, 1980:131) dengan alasan mereka hendak merampas takhta kerajaan Johor-Riau. Mungkin sebagai langkah awal dalam pakatan itu, beliau meminta pihak Belanda terlebih dahulu menangkap Raja Haji yang ketika itu berada di dalam kapalnya, di pelabuhan Melaka. Beliau selanjutnya meminta bantuan tentera daripada Belanda untuk menyerang Daing Kemboja di Kuala Linggi. Sultan Mansur Syah juga mengakui bahawa segala perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Belanda untuk tujuan mengusir Daing Kemboja dari Kuala Linggi akan diganti oleh Sultan Sulaiman (*Tuhfat al-Nafis*, 1982:138).

Pihak Belanda pada dasarnya bersetuju memenuhi permintaan Sultan Mansur Syah itu. Malahan, permintaan terakhir Sultan Mansur Syah ini selaras dengan keinginan pihak Belanda sendiri, iaitu mengeluarkan Daing Kemboja dari Kuala Linggi.

Sebelum rancangan itu dapat dijalankan rahsia itu telah bocor. Seorang

yang bernama Encik Awal (mungkin pengintip Daing Kemboja di Melaka) telah mendapat tahu. Beliau telah pergi ke Kuala Linggi memaklumkan-nya kepada Daing Kemboja. Setelah mendapat berita itu, Daing Kemboja tanpa berlengah-lengah telah memberitahu dan meminta Sultan Salehuddin, Yang Dipertuan Selangor, pergi ke Melaka mengambil Raja Haji dan membawanya ke Kuala Linggi (Buyung Adil, 1980:131; Shaharom Husain, 1995:38-9).

Setelah mendapat berita dan permintaan daripada Daing Kemboja itu Sultan Salehuddin dengan beberapa orang besar Selangor dengan segera belayar menuju ke Melaka. Semasa beliau singgah di Tanjung Keling, kira-kira sebelas kilometer dari bandar Melaka, beliau telah bertemu dengan Sultan Mansur Syah. Ketika berhadapan dengan seorang pegawai Belanda bernama Avy Verbrugge, Sultan Mansur Syah telah memujuk Sultan Sulaiman supaya jangan menyebelahi Daing Kemboja di Kuala Linggi. Pujukan Sultan Mansur Syah itu tidak diendahkan oleh Sultan Salehuddin, sebaliknya beliau terus memerintahkan pengikutnya supaya mencari Raja Haji. Akhirnya, orang Selangor telah berjumpa dengan Raja Haji dalam sebuah perahu yang sedang berlabuh dekat sebuah pulau¹⁵ tidak jauh dari bandar Melaka. Sultan Salehuddin telah membawa Raja Haji pergi ke Kuala Linggi mendapatkan Daing Kemboja. Selepas itu Sultan Salehuddin, telah belayar ke Selangor. Raja Haji tetap tinggal bersama-sama dengan Daing Kemboja di Kuala Linggi (Buyung Adil, 1989:131).

Perbuatan Sultan Salehuddin 'mencuri' Raja Haji dari kawasanya itu telah memalukan pihak Belanda. Empat bulan¹⁶ selepas berlaku peristiwa itu, iaitu dalam bulan Julai 1756, satu angkatan perang Belanda yang telah bersekutu dengan orang Terengganu di bawah pimpinan Sultan Mansur Syah, telah datang dan menyerang Kuala Linggi. Peperangan ini berakhir dengan kekalahan di pihak Bugis (Buyung Adil, 1989:131). Daing Kemboja serta pengikutnya telah berundur ke Rembau.

Semasa di Rembau, Daing Kemboja, Raja Haji berserta pembesar-pembesar Bugis yang lain telah menjadi tetamu Raja Adil.¹⁷ Kemudian, mereka bersama Raja Adil telah menemui Datuk Lela Maharaja Lulinsuh.¹⁸ Datuk Lembaga Tiang Balai¹⁹ kerajaan Rembau telah turut hadir dalam pertemuan itu. Dalam pertemuan itu kedua-dua belah pihak, kerajaan Rembau dan Yamtuan Muda Daing Kemboja, berjanji untuk berbaik-baik antara satu sama lain. Daing Kemboja selanjutnya telah menyatakan hasratnya untuk melanggar orang Belanda di Melaka dan memohon bantuan tentera dari Rembau. Datuk Lela Maharaja Lulinsuh dan Lembaga Tiang Balai Rembau mahu tidak mahu terpaksa memenuhi permintaan itu. Jika menentang kehendak pihak Bugis yang terkenal dengan kegagahannya itu bermakna kemerdekaan Rembau akan terancam. Datul Lela Maharaja Lulinsuh dan Datuk Lembaganya sedar bahawa tentera Rembau tidak mungkin mengatasi pihak Bugis walaupun pada ketika itu mereka dalam

pelarian. Dalam keadaan tersebut orang Bugis akan menjadi lebih berani. Justeru itu, Datuk Lela Maharaja Lulinsuh menyatakan kesediaannya untuk memberi bantuan.

Daing Kemboja dan orang Bugis telah berada di Rembau sehingga bulan Oktober 1756. Dalam masa lebih kurang tiga bulan²⁰ itu Daing Kemboja dan pengikut-pengikutnya telah bersedia untuk menyerang Melaka. Setelah siap, Daing Kemboja serta orang Bugis dengan diiringi oleh tentera Rembau yang diketuai oleh Raja Adil, bertolak ke Melaka. Sesampai di Melaka mereka telah menyerang dan membakar serta menawan kawasan subbandar Tranquera, dan kemudian mendirikan kubu di Kelebang. Dua buah kubu telah dibina. Kubu yang paling besar adalah untuk Daing Kemboja dan orang Bugis dan berhampiran dengannya dibuat pula sebuah lagi kubu tetapi kecil sedikit. Kubu kedua ini adalah untuk Raja Adil dan orang Rembau. Dengan menggunakan kubu-kubu tersebut sebagai pusat operasi mereka telah menawan Peringgit, Bukit China, Semabok dan Teluk Ketapang. Semasa peperangan itu meletus, Tengku Raja Said dengan pengikut-pengikutnya yang terdiri daripada orang Selangor datang memberi bantuan kepada orang Bugis di Kuala Linggi. Mereka mendirikan pula sebuah lagi kubu berhampiran dengan kubu-kubu yang sedia ada. Kemudian datang pula Raja Alam dan tenteranya dari Batu Bara membantu Daing Kemboja. Justeru itu, Daing Kemboja menjadi bertambah kuat (Buyung Adil, 1980:133).

Pada akhir tahun 1756, askar-askar Belanda telah datang menyerang kubu Daing Kemboja di Keleban, tetapi telah berjaya diundurkan oleh tentera Daing Kemboja dan sekutunya. Daing Kemboja telah mencadangkan kepada pihak berkuasa Belanda supaya memutuskan perhubungan mereka dengan Sultan Sulaiman di Riau. Cadangan itu telah ditolak oleh pihak Belanda (Buyung Adil, 1980:133).

Pada awal bulan Disember tahun tersebut juga Sultan Sulaiman bersama-sama Sultan Mansur Syah dan Temenggung Abdul Majid telah datang ke Melaka bertemu Gabenor Belanda. Hasil pertemuan itu satu perjanjian persefahaman Johor-Riau dan Melaka telah ditandatangani pada 12 Disember 1756. Melalui perjanjian itu Sultan Sulaiman telah menyerahkan Kuala Linggi dan Rembau kepada Belanda. Penyerahan kedua-dua wilayah itu telah dilakukan tanpa pengetahuan pemerintah Kuala Linggi (Daing Kemboja) dan Rembau (Datuk Lela Maharaja Lulinsuh). Sultan Sulaiman sanggup menyerahkan kedua-dua wilayah itu adalah dipercayai atas nasihat pihak Belanda di Melaka (Buyung Adil, 1980:134). Perbuatan Sultan Sulaiman ini telah membuatkan kedua-dua pembesar berkenaan bertambah marah dan nekad untuk terus berperang dengan Belanda.

Peperangan ini berlanjutan untuk selama lebih kurang sembilan bulan. Semasa pertempuran ini berlaku mengikut *Hikayat Negeri Johor* (1932:14), Daing Kemboja terpaksa balik ke Rembau kerana anaknya, Raja

Linggi meninggal dunia. Peperangan di Melaka itu berakhir pada bulan Mei tahun 1757. Pada tarikh itu, dengan bantuan pasukan askar Belanda yang lebih besar yang didatangkan dari Betawi ke Melaka, orang Belanda telah dapat mengundurkan tentera Kuala Linggi dan Rembau. Daing Kemboja dan sekutunya telah balik ke Kuala Linggi. Kapal perang Belanda telah mengikut mereka hingga ke Kuala Linggi (Buyung Adil, 1980:133), dan untuk beberapa waktu Kuala Linggi dikepung oleh Belanda (Cave, 1989:58). Akhirnya Kuala Linggi telah dapat ditawan oleh pihak Belanda.

Setelah Kuala Linggi ditawan, pihak Belanda telah mendirikan sebuah kota kecil di atas sebuah bukit (sekarang disebut Bukit Supai) sekarang terletak dalam daerah Alor Gajah, Melaka. Kota itu adalah sangat strategis sebagai sebuah kubu tentera kerana ia menghadap ke muara Sungai Linggi dan Selat Melaka. Dengan adanya kota itu pihak Belanda boleh mengawal pergerakan orang Bugis di Kuala Linggi dan lalu lintas di Sungai Linggi. Justeru itu, Belanda dapat mengawal hasil bijih timah yang dibawa dari Rembau dan Sungai Ujong keluar mengikut Sungai Linggi; tambahan pula hak monopoli membeli bijih timah di Kuala Linggi itu telah diberikan oleh Sultan Sulaiman kepada orang Belanda. Kota Belanda di Kuala Linggi itu dinamakan *Fort Filipina* (Buyung Adil, 1980:133).

Dalam bulan Mei tahun 1757 itu juga, dengan jemputan Gabenor Belanda di Melaka, Sultan Sulaiman dari Riau, Sultan Salehuddin dari Selangor serta beberapa orang besar Bugis dari Selangor, telah datang ke Melaka. Mereka telah bermesyuarat tentang peperangan Melaka dan Kuala Linggi. Dalam pertemuan itu barulah diketahui bahawa perang itu berpunca daripada hasutan Sultan Mansur Syah Terengganu dan bukan dengan kehendak Sultan Sulaiman. Mesyuarat itu juga membuat ketetapan bahawa Sultan Sulaiman dituntut membayar wang ganti rugi perang kepada Belanda sebanyak \$75,457.00 dalam tempoh empat bulan²¹ (Buyung Adil, 1989:134).

Dengan tertawannya Kuala Linggi, Daing Kemboja tiada pilihan melainkan pindah ke Rembau Hilir. Mulai daripada tarikh itu (sekitar Mei 1757) sehingga sekitar awal tahun 1761²² Daing Kemboja tidak lagi tinggal di Kuala Linggi. Pada akhir bulan November, Daing Kemboja dengan ahli keluarganya termasuk Raja Haji yang sedang berubat akibat luka-luka semasa perang telah berpindah ke tempat kediaman baru, iaitu di Pedas (*Hikayat Negeri Johor*, 1932:15). Sempena perasmian tempat kediaman baru ini, Daing Kemboja telah mengadakan majlis berkhatan anak lelakinya, Raja Endut. Semenjak itu, Pedas menjadi kawasan Bugis kerana ia sering didatangi oleh pembesar-pembesar Bugis dari Selangor termasuk Yang Dipertuan Negeri Selangor (Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:155-6).

Apabila Daing Kemboja lari ke Rembau petempatan Bugis di Kuala Linggi telah dikepung dan muara Sungai Linggi disekat oleh Belanda. Penyekatan dan pengepungan ini telah memberi kesan negatif ke atas perdagangan dan ekonomi Kuala Linggi dan juga kerajaan Rembau. Pihak

Bugis di Kuala Linggi dan kerajaan Rembau tidak ada pilihan melainkan mencari perdamaian dengan pihak Belanda. Pada 29 September 1757 Gabenor Melaka, Jacob Morsel telah didatangi oleh Datuk Lela Maharaja Lulinsuh dan Raja Adil dari kerajaan Rembau serta Raja Tua dari Kelang. Dalam pertemuan itu, pokok perbincangan mereka adalah berkaitan dengan perhubungan antara kerajaan Rembau, Kelang dan Kuala Linggi di satu pihak dengan Belanda dan Johor-Riau di pihak lain. Pihak Belanda cuba memujuk para pembesar itu supaya membuat satu perjanjian persahabatan dengan pihak Belanda. Mereka tidak dapat dan tidak mahu menerima saranan itu kerana Kuala Linggi tidak ada wakil. Selepas berunding dan bersetuju bahawa satu perjanjian harus diadakan, pembesar-pembesar Melayu telah menangguhkan pemuktamadannya sehingga mendapat persetujuan Daing Kemboja, pemerintah Kuala Linggi (Norhalim Hj. Ibrahim, 1955:156).

Pada awal Disember 1757, Sultan Sulaiman berserta dengan Sultan Mansur Syah Terengganu telah sampai di Melaka. Pada 12 Disember satu perjanjian antara Johor-Riau dan Belanda telah ditandatangani. Perjanjian itu telah ditandatangani oleh Sultan Sulaiman dan Temenggung Abdul Majid serta Sultan Mansur Syah bagi pihak kerajaan Johor-Riau. Melalui perjanjian itu Sultan Sulaiman menyerahkan Kuala Linggi dan Rembau kepada Syarikat Hindia Timur Belanda. Sultan Sulaiman sanggup menyerahkan kedua-dua 'negeri' tersebut kepada Belanda kerana beliau menyedari bahawa pengaruh dan kekuasaannya ke atas kedua-dua wilayah itu telah pudar. Kuala Linggi sememangnya telah 'hilang' ke tangan Bugis. Rembau pula, untuk lebih kurang 20 tahun telah terlepas ke tangan putera Minangkabau²³ dan semenjak perang Bugis-Belanda (1756-57) beransur-ansur tenggelam dalam pengaruh Bugis, terutama semenjak Daing Kemboja dan keluarganya berpindah, mula-mula ke Rembau Hilir dan kemudian ke Pedas di Rembau Darat.

Perjanjian ini adalah penting dalam persejarahan dan pensejarahan Kuala Linggi. Kuala Linggi, sebelum tahun 1711 adalah hak milik kerajaan Johor-Riau. Mulai tahun tersebut sehingga tersuratnya perjanjian itu, hak milik ke atas Kuala Linggi menjadi kabur. Pada teorinya Kuala Linggi masih milik kerajaan Johor-Riau tetapi pada hakikatnya wilayah tersebut telah pun diduduki dan diperintah oleh daing Bugis atau wakilnya. Mulai tahun 1754 Kuala Linggi telah menjadi tempat tinggal Daing Kemboja, Yamtuan Muda Riau. Justeru itu, Kuala Linggi telah menjadi 'duri dalam daging' kepada kerajaan Johor-Riau. Dengan perjanjian itu Sultan Sulaiman berharap agar kerajaan Johor-Riau dapat mencabutkan 'duri' tersebut, iaitu dengan menyerahkannya kepada pihak Belanda. Penyerahan ini dilakukan dengan syarat pihak Belanda tidak akan memberikannya semula kepada Daing Kemboja, Raja Alam (Siak), Raja Said (Selangor), Raja Haji, Raja Tua Kelang atau Raja Adil Rembau yang telah memusnahkan Melaka

(melalui perang Bugis-Belanda 1756-57) atau membenarkan salah seorang daripada mereka berkuasa semula di situ (Winstedt, 1934:56-7).

Perbuatan Sultan Sulaiman dan Sultan Mansur Syah memperlakukan Kuala Linggi dan juga Rembau seperti buah bidak bagi mendapat sokongan Belanda melalui perjanjian bulan Disember 1757 telah diketahui oleh Daing Kemboja dan Datuk Lela Maharaja Lulinsuh. Beberapa hari selepas Sultan Sulaiman menandatangani perjanjian itu, pihak Kuala Linggi dan Rembau telah menghantar perwakilan ke Melaka untuk merundingkan fasal-fasal perjanjian Johor-Riau dengan Belanda itu, dan cuba mendapatkan satu perjanjian lain antara Kuala Linggi dan Rembau di satu pihak dan Belanda di pihak lain. Pihak Belanda dituduh mengkhianati persetujuan yang tercapai dalam perundingan dalam bulan September. Mereka tidak berani berkeras dalam perkara ini, walaupun telah berjanji dengan Johor-Riau tentang kedudukan para pembesar Kuala Linggi, Rembau dan Kelang. Belanda juga tidak mahu menimbulkan dan memanjangkan persengketaan dengan Bugis terutamanya demi kepentingan perdagangan. Pengelompokan dan pemusatan putera Bugis di Kuala Linggi dan di Pedas membimbangkan orang Belanda di Melaka. Akhirnya, kesemua pihak bersetuju membuat perjanjian lain, khusus untuk Kuala Linggi, Rembau dan Kelang (Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:159-60).

Pada 1 Januari 1758, orang Belanda dan Kuala Linggi serta Rembau telah menandatangani satu perjanjian di Fort Filipina di muara Kuala Sungai Linggi. Perjanjian itu telah ditandatangani oleh Daing Kemboja bagi pihak Kuala Linggi, Raja Adil mewakili Rembau dan Raja Tua untuk Kelang. Melalui perjanjian ini Kuala Linggi, Rembau dan Kelang bersetuju memberi Belanda monopoli ke atas hasil keluaran kawasan-kawasan tersebut. Harga bijih timah juga telah ditetapkan, iaitu Syarikat Belanda harus membelinya dengan harga 32 ringgit Sepanyol setiap satu bahara. Sebagai tambahan Syarikat Belanda akan memberi dua ringgit Sepanyol kepada pembesar kawasan yang mengeluarkan hasil itu sebagai sagu hati. Sebagai balasan, Kuala Linggi, Rembau dan Kelang memberi jaminan bahawa semua sahabat Syarikat Hindia Timur Belanda akan mereka anggap sebagai 'sahabat' pula, terutamanya Sultan Johor-Riau (Winstedt, 1934:57, 1962:147; Raja Ali Haji, 1965:118-19; Khoo Kay Kim, 1990:7).

Keadaan dan perhubungan Kuala Linggi dengan Belanda selepas perjanjian itu adalah tenang. Walau bagaimanapun, Daing Kemboja mungkin masih mencurigai kejujuran Belanda dan Johor-Riau kerana melalui perjanjian Riau-Melaka (Disember, 1757), Kuala Linggi telah diserahkan oleh Sultan Sulaiman, iaitu penguasa Kuala Linggi setidak-tidaknya secara teori, kepada pihak berkuasa Belanda di Melaka. Justeru itu, walaupun telah dibuat perjanjian baru Kuala Linggi-Melaka (Januari, 1758) yang tidak melibatkan kerajaan Johor-Riau, pihak Belanda boleh dan mampu menguatkuasakan syarat-syarat perjanjian Riau-Melaka 1757 itu. Oleh yang

demikian, Daing Kemboja yang masih menjadi pemimpin orang Bugis di Kuala Linggi terus menetap di Pedas.

Semenjak Daing Kemboja berpindah ke situ, Pedas menjadi tumpuan para pembesar Bugis. Daing Kemboja telah membawa saudara-saudara perempuannya, Raja Aminah dan Raja Halimah, dari Kuala Linggi ke Pedas. Para pembesar Bugis di Selangor dan Kelang sentiasa berulang alik ke Pedas dan begitu juga sebaliknya (*Hikayat Negeri Johor*, 1932:15–18). Keadaan ini berlanjutan sehingga akhir tahun 1759. Dalam tempoh lebih kurang dua tahun Pedas menjadi pusat pentadbiran Kuala Linggi dalam buangan.

Pada 11 November 1759 Daing Kemboja telah turun ke Melaka untuk menandatangani satu lagi perjanjian bagi pihak Kuala Linggi dengan Belanda. Perjanjian ini pada hakikatnya bukan satu perjanjian baharu tetapi membetulkan perjanjian 1 Januari 1758 yang dianggap tidak sah dari segi perlembagaan kerajaan Rembau.²⁴ Dengan demikian, turut sama menandatangani perjanjian itu ialah pembesar-pembesar dari sembilan buah negeri Rembau²⁵ dan Raja Tua Kelang.

DAING KEMBOJA BALIK KE RIAU

Pada akhir tahun 1759 Raja Haji telah meninggalkan Pedas dan belayar ke Riau dengan maksud tertentu. Beliau ingin menemui Sultan Sulaiman untuk menyelesaikan masalah perhubungan Melayu (Johor-Riau) dan Bugis. Semasa beliau masuk ke Riau 'maka segala raja Melayu dan segala panglima Melayu sekalian hendak membedilnya' (*Hikayat Negeri Johor*, 1932:16), tetapi tidak dihiraukannya. Beliau telah menghadap Sultan Sulaiman menuntut supaya menentukan hak para putera Bugis turun-temurun menjadi Yamtuan Muda Riau. Sultan Sulaiman telah menurut dan memenuhi kehendak orang Bugis itu.

Raja Haji telah balik ke Pedas pada awal tahun 1760 untuk melaporkan hal rundingannya kepada Daing Kemboja dan menyampaikan berita bahawa satu utusan akan tiba menjemput Daing Kemboja balik ke Riau. Utusan rasmi tersebut, yang diketuai oleh anak Sultan Sulaiman sendiri, Raja Abdul Jalil bergelar Tengku Raja Di Baruh telah sampai di Pedas dalam bulan Ogos. Rombongan ini diiringi oleh Raji Haji dan Raja Lumu (Sultan Salehuddin) dari Selangor.

Setelah beberapa hari tinggal di Rembau Raja Abdul Jalil telah pergi ke Selangor. Semasa berada di sana beliau jatuh sakit dan Sultan Sulaiman, telah mangkat di Riau. Dalam bulan Februari 1761, Raja Abdul Jalil yang dilantik menjadi sultan menggantikan ayahnya dengan gelaran Sultan Abdul Jalil Muadzam Syah, pula meninggal dunia di Selangor. Jenazah baginda telah dibawa ke tempat kediaman Daing Kemboja di Pedas. Daing Kem-

Timah yang dikeluarkan oleh [Kuala] Linggi, Rembau dan Kelang, tanpa pengecualian, akan diserahkan kepada kompeni pada harga tiga puluh lapan sebahara bagi tiga pikul; dan harga ini berkekalan tanpa perubahan; adalah dalam bidang kuasa kompeni untuk mengambil dan merampas, dan untuk melakukan sebagaimana perlu ke atasnya, segala timah yang didapati telah dieksport secara tipu ke tempat selain dari tempat-tempat yang disebutkan.

(Newbold, 1839 (1971):94-5)

Dengan demikian, mulai kira-kira akhir tahun 1759 kedudukan Kuala Linggi sebagai pusat politik Bugis semakin merosot. *Tuhfat al-Nafis* satu-satunya teks tempatan yang banyak dijadikan rujukan dan bandingan dalam penulisan semula sejarah Johor dan jajahan takluknya, serta juga pen-sejarahan Barat yang ditemui, tidak lagi menyebut nama (Kuala) Linggi. Untuk beberapa tahun, sehingga terbukanya petempatan Linggi kini pada sekitar tahun 1800, seolah-olah berlaku satu period kekosongan dalam persejarahan dan pensejarahan Linggi. Kekosongan ini terisi apabila petempatan Linggi sekarang dibuka.

Namun, Sungai Linggi sebagai lalu lintas barang dagangan, terutama bijih timah menjadi begitu penting. Oleh sebab polisi perdagangan Belanda adalah untuk memonopoli hasil-hasil dagangan tempatan maka Kuala Linggi dan muara Sungai Linggi perlu dikuasai. Kegiatan perdagangan Belanda adalah lebih kepada menjadi orang tengah, iaitu membeli secara murah dan menjual dengan harga mahal. Kuala Linggi adalah salah satu muara sungai yang menjadi jalan keluar bijih timah dari kawasan pedalaman. Justeru itu, zaman akhir abad ke-18 dan ke-19, Sungai Linggi menjadi rebutan para pedagang baik tempatan mahupun Eropah. Ini mencetuskan dan membawa masalah-masalah sosial dan politik. Dengan itu juga, petempatan Kuala Linggi hilang kewibawaannya sebagai salah satu pusat orang Bugis. Kuala Linggi telah menjadi sebahagian daripada wilayah Melaka di bawah pentadbiran Belanda.

1. Berkaitan dengan peristiwa ini Buyung Adil (1980:124) merakamkan bahawa setengah riwayat mengatakan Daing Kemboja telah dilantik menjadi Yamtuan Muda Riau III di Selangor oleh orang Bugis di sana. Perlantikan ini dilakukan tanpa pengetahuan Sultan Sulaiman di Riau (Ryan, 1971:72).

2. Upacara rasmi perlantikan ini telah ditangguhkan selama hampir tiga tahun, yakni pada tahun 1748 (Buyung Adil, 1989:124; Shaharom Hussain, 1995:37). Winstedt (1962:143) menyatakan penangguhan itu berlangsung selama dua tahun.

3. Menurut Ryan, 1971:72, gelaran bagi Raja Haji ialah Tok Kelana.

4. Sebelum menjadi Sultan Terengganu beliau dikenali dengan nama Tun Dalam. Sultan Mansur ialah anak bongsu kepada Sultan Zainal Abidin Terengganu (1722-33). Sultan Zainal

Abidin pula adalah adik Sultan Abdul Jalil Johor. Justeru itu baginda merupakan bapa saudara kepada Sultan Sulaiman Johor. Sultan Mansur telah tinggal di Riau mulai tahun 1739. Semasa itu beliau masih muda dan bergelar Yang Dipertuan Kecil Terengganu. Mulai tarikh itu, terutama setelah dikahwinkan dengan Raja Bulang, puteri Sultan Sulaiman, beliau tinggal di Riau, hanya sekali-sekala sahaja kembali ke Terengganu dan balik semula ke Riau. Dalam tahun 1740 beliau telah dibawa balik ke Terengganu oleh Sultan Sulaiman dan ditabalkan sebagai sultan dengan gelaran Sultan Mansur Syah. Setelah ditabalkan beliau balik semula ke Riau dan tinggal di situ untuk lebih daripada dua tahun. Pada masa itulah beliau berasa tidak puas hati dengan kuasa dan pengaruh pembesar-pembesar Bugis dalam pentadbiran kerajaan Johor, tetapi belum dapat berbuat apa-apa kerana beliau masih muda (Buyung Adil, 1989:121–3). Selepas kemangkatan Daing Cellak (Mei 1745) beliau telah menjadi penganjur (Buyung Adil, 1980:124) dan memimpin pembesar-pembesar Melayu Riau menentang orang Bugis, dan dengan kuat mempertahankan kepentingan yang dinamakan 'negara Melayu' (Andaya dan Andaya, 1982:85).

5. Menurut Andaya dan Andaya (1982:97) keseluruhan komuniti Bugis telah meninggalkan Riau.

6. Menurut Buyung Adil (1952:69; 1980:127–8) perpindahan itu berlaku pada sekitar tahun 1753.

7. Belanda dan Bugis telah bersaing dalam perdagangan rempah sejak abad ke-17 lagi; dan dalam abad ke-18 mereka bersaing pula untuk bijih timah dan hasil-hasil selat yang lain (Kennedy, 1962:64). Untuk keterangan lanjut tentang minat Belanda tentang bijih timah di Tanah Melayu lihat nota kaki berikut.

8. Sikap Belanda terhadap Bugis jelas tergambar dalam arahan Gabenor-General Gustaaf Willen Baron van Imhoff untuk membina semula kota Belanda di Dinding dalam tahun 1745. Dalam arahan itu ditegaskan bahawa garison di situ tidak dianggotai oleh seorang pun orang Bugis (Winstedt, 1962:147; Kennedy, 1962:64).

9. Buyung Adil (1980) dan Shaharom Hussain (1995) tidak menyebut tentang adanya perjanjian Johor/Riau-Belanda pada tahun 1745. Namun, Buyung Adil (1980:125) ada menyebut tentang perjanjian antara Sultan Sulaiman dengan Belanda yang ditandatangani pada bulan Mei 1746. Besar kemungkinan terdapat kekeliruan tarikh antara penulis sejarah setempat, khususnya Buyung Adil (1980) dengan penulis orientalis.

10. Mengikut Hall (1971:422) dan Ryan (1971:72) perjanjian ini ditandatangani pada tahun 1755.

11. Sultan Sulaiman dalam bulan Mei tahun 1746 bersama-sama puteranya Raja Abdul Jalil (Raja Di Baruh) telah pergi ke Melaka membuat perjanjian dan memperbaharui persahabatan dan perniagaan dengan Belanda. Dalam perjanjian itu negeri Siak telah dipulangkan untuk pertimbangan Gabenor Jeneral Kompeni Belanda di Betawi menentukannya (Buyung Adil, 1982:125). Kemudian dalam bulan Oktober 1754 satu lagi perjanjian telah dibuat antara Sultan Sulaiman dengan Belanda dan ditandatangani di Pulau Buru. Perjanjian 1754 ini membenarkan kompeni Belanda menduduki satu tempat di Pulau Guntung (di Siak) ataupun barang di mana satu tempat pilihan kompeni Belanda di tepi Sungai Siak (Buyung Adil 1982:128).

12. Menjelang pertengahan abad ke-18 orang Belanda mula memusatkan perhatian ke atas perdagangan bijih timah, terutama dengan Perak. Gabenor Albinus yang telah mengambil alih tugas dalam tahun 1745 mendapat bijih timah dari pedalaman Melaka—Sungai Ujong, Seri Menanti dan wilayah-wilayah lain dan juga yang diperoleh di sepanjang Sungai Penajih dan Sungai Linggi telah diniagakan ke Kedah, Selangor atau Riau, iaitu pusat perdagangan orang Bugis, atau Pahang dan Terengganu di bahagian timur Semenanjung. Justeru itu, kedua-dua Belanda dan Sultan Sulaiman mendapati perdagangan dan hak milik mereka terancam oleh orang Bugis. Sebagai tindak balas dan untuk mendapatkan bahan berkenaan, Albinus telah menghantar agen-agen ke pusat-pusat perdagangan tersebut dan membeli ba-

Perang Kuala Linggi-Belanda

PERSELISIHAN MELAYU-BUGIS



DAING Cellak telah meninggal dunia pada Mei 1745 bersamaan Tahun Hijrah 1158 (*Tuhfat al-Nafis*, 1982:123; 1991:264). Daing Kemboja, anak Daing Parani telah dilantik oleh Sultan Sulaiman¹ sebagai Yang Dipertuan Muda yang baru² dan Raja Haji, anak Daing Cellak dilantik menjadi penolong kepada Yang Dipertuan Muda dengan gelaran Engku Kelana.³ Semasa Daing Kemboja mengambil alih jawatan tersebut, perselisihan faham antara pembesar-pembesar Melayu yang diketuai oleh Sultan Mansur⁴ Terengganu (1740–93) dengan pembesar-pembesar Bugis, telah menjadi lebih ketara.

Perselisihan ini telah bermula sejak jatuhnya kerajaan Johor-Riau ke tangan Raja Kecil, Siak. Sifat konflik tersebut pada zaman awal ini (1720-an) agak berbeza dengan yang berlaku dalam tahun 1740-an. Pada ketika itu konflik tersebut adalah dalam bentuk gabungan orang Melayu-Bugis menentang orang Minangkabau (Siak). Melalui masa krisis itu telah berubah corak kepada pertentangan antaran tiga suku bangsa, iaitu Melayu, Bugis dan Minangkabau. Walaupun permusuhan ini berterusan pembezaan kelas pemerintah di kalangan mereka menjadi semakin kabur. Kelompok-kelompok migran, secara beransur-ansur telah menerima subbudaya Melayu seperti mempraktikkan dan mengamalkan gelaran-gelaran Melayu Johor-Riau dan bukannya gelaran hormat Bugis atau Minangkabau. Proses pemelayuan kelompok-kelompok migran ini menjadi semakin teguh kerana perikatan politik antara mereka, dari semasa ke semasa, telah dipeteri melalui perkahwinan di kalangan pembesar-pembesar ketiga-tiga kelompok tersebut.

Keserabutan perhubungan darah yang berkembang satu generasi selepas penabalan pembesar Bugis sebagai Yang Dipertuan Muda Riau pada tahun 1720-an jelas tergambar di Siak. Oleh sebab Raja Kecil dan beberapa orang pemimpin Bugis telah mengahwini puteri-puteri Sultan Abdul Jalil Johor, walaupun musuh ketat mereka adalah juga ipar lamai. Raja Kecil kemudian mewujudkan dinastinya sendiri di Siak, tetapi selepas kematian-